

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]**

**TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)**

**SOALAN :**

Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jumlah wang yang diberikan kepada ibu tunggal dan orang yang miskin dan orang kurang upaya daripada segi bantuan kebajikan (welfare). Apakah ciri-ciri yang memasukkan seseorang dalam kategori yang perlukan bantuan dan langkah-langkah seterusnya yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membantu golongan ini dalam masa terdekat.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA  
DAN MASYARAKAT**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar termasuk ibu tunggal dan anak-anak, orang kurang upaya (OKU) serta orang miskin bagi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan golongan tersebut.

**IBU TUNGGAL**

Antara bantuan dan langkah Kementerian bagi membantu golongan ibu tunggal adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan kewangan seperti Bantuan Kanak-Kanak (BKK) kepada ibu tunggal yang menanggung anak berumur di bawah 18 tahun dan Bantuan Am;
- (ii) Insentif dalam bentuk Geran Pelancaran (maksimum RM2,700 sekali gus) bagi ibu tunggal penerima bantuan JKJ yang ingin menjalankan perniagaan untuk menjana pendapatan;

- (iii) Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT) yang bermatlamat untuk membasmi kemiskinan di kalangan ibu tunggal;
- (iv) Program kesejahteraan emosi termasuk program pengurusan stress serta penyediaan perkhidmatan kaunseling; dan
- (v) program pemerkasaan kapasiti ibu tunggal yang berorientasikan dialog, bengkel, seminar dan forum.

### **ORANG MISKIN**

Antara bantuan dan langkah Kementerian bagi membantu orang miskin adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan kewangan iaitu Bantuan Am;
- (ii) Insentif dalam bentuk Geran Pelancaran turut diberikan kepada golongan miskin yang ingin menjalankan perniagaan untuk menjana pendapatan.

### **OKU**

Langkah-langkah kerajaan untuk membantu OKU pula adalah seperti berikut:

- (i) Insentif kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui Skim Elaun Pekerja Cacat (EPC) dengan kadar RM350 sebulan;
- (ii) Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik Terlantar dan OKU Terlantar dengan kadar RM300 sebulan seorang bagi mengurangkan bebanan kepada penjaga yang menjaga mereka;
- (iii) Skim Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja telah diluluskan pelaksanaannya di mana kadar bantuan adalah sebanyak RM200 sebulan seorang kepada golongan OKU yang berusia antara 18 hingga 59 tahun dan tidak mampu bekerja;
- (iv) Penjagaan dan pemulihan OKU di 7 buah Taman Sinar Harapan;
- (v) Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) untuk memberi intervensi awal dan pemulihan OKU di 486 buah PDK di seluruh negara;
- (vi) Penempatan pekerjaan bagi OKU yang tidak dapat berdaya saing di 2 buah Bengkel Terlindung;
- (vii) Latihan vokasional dan pemulihan OKU fizikal di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi;
- (viii) Perkhidmatan Job Coach untuk memberi sokongan pekerjaan kepada OKU;
- (ix) Pemberian Elaun Khas sebanyak RM150 sebulan kepada OKU yang mengikuti program pemulihan dalam komuniti dan pelajar OKU di bawah kelolaan pertubuhan sukarela kebajikan;

- (x) Insentif dalam bentuk Geran Pelancaran turut diberikan kepada golongan OKU yang ingin menjalankan perniagaan untuk menjana pendapatan; dan
- (xi) Skim Galakan Perniagaan oleh Kementerian Sumber Manusia turut ditawarkan kepada golongan OKU untuk meluaskan perniagaan.

Kriteria atau syarat kelulusan pemberian bantuan adalah melalui proses siasatan serta penilaian yang dibuat adalah secara standard dan konsisten. Setiap permohonan lengkap yang diterima akan disiasat dan dibuat penilaian (*means-tested*) bagi mengesahkan kelayakan pemohon berdasarkan kriteria am kelayakan permohonan bantuan seperti berikut:

- i) Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia;
- ii) Pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM760 sebulan di Semenanjung Malaysia, RM910 sebulan bagi Sarawak dan RM1,050 sebulan bagi Sabah;
- iii) Tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup;
- iv) Jika mempunyai keluarga tetapi keluarga tidak berkemampuan untuk menyara hidup; dan

- v) Golongan yang tidak berkemampuan dan berkeperluan berdasarkan kepada hasil siasatan yang dijalankan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti tahap kesihatan, keadaan dan kelengkapan rumah dan lain-lain.

Secara amnya, JKM tidak meluluskan pemberian bantuan kebajikan berdasarkan pendapatan keluarga semata-mata. Dalam hal ini, JKM turut mengambil kira faktor-faktor lain seperti bilangan ahli isi rumah yang perlu ditanggung, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga, tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarganya dan faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan keluarga.